

**Berita Harian**  
**18 November 2016**

→ **BISNES**

# Sun Wealth sasar premium RM100 juta



Dari kiri Yong, Samir, Lew dan Martin pada pelancaran Sun Wealth di Kuala Lumpur, semalam.

→ Syarikat perkenal pelan insurans hayat unik dengan bayaran fleksibel

**Oleh Mohd Zaky Zainuddin**  
[zaky@bh.com.my](mailto:zaky@bh.com.my)

CIMB Bank Bhd (CIMB Bank) dan rakan insuransnya, Sun Life Malaysia Assurance Bhd (Sun Life Malaysia), memperkenalkan pelan insurans terkini, Sun Wealth dengan sasaran premium RM100 juta pada tahun depan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata sasaran itu bakal dipacu oleh penyertaan pernegang polisi baharu yang kini memilih untuk memiliki insurans di tengah-tengah persekitaran ekonomi yang mencabar.

"Kita sudah membuat prapelancahan Sun Wealth sejak empat bulan lalu dan berjaya mengumpul 700 pelanggan membabitkan jumlah premium sekitar RM21 juta.

"Untuk tahun ini, kita sasar meraih premium mencecah RM30 juta dan RM100 juta tahun depan membabitkan kira-kira 2,000 pem-

gang polisi," katanya kepada media selepas pelancaran Sun Wealth di Kuala Lumpur, semalam.

Sun Wealth dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Konsumen Kumpulan CIMB, Samir Gupta; Ketua Pegawai Risiko Sun Life Malaysia, Martin Fortier dan Ketua Pengurusan Kekayaan CIMB Bank, Gary Yong.

#### Ciri-ciri insurans

Sun Wealth adalah pelan simpanan insurans pembayaran terhad terbaru yang menggabungkan perlindungan dengan jaminan manfaat kepada pemegang polisi.

Ia menawarkan pelan insurans hayat unik yang menyediakan jaminan perlindungan kekayaan dari pada premium asas, selain menawarkan potensi pertumbuhan menerusi pulangan pelaburan.

Sun Wealth menawarkan pelanggan tempoh pembayaran premium fleksibel iaitu tiga, lima atau lapan tahun, bergantung kepada keperluan.

Sebagai contoh, pilihan pelan 3 Pay 15 Term membolehkan pelanggan membayar premium hanya tiga tahun tetapi menikmati perlindungan dan manfaat tambahan untuk tempoh 15 tahun.

Pelan berkenaan juga tidak memerlukan penaja jamin atau pemeriksaan kesihatan bagi semua permohonan membabitkan premium tahunan sehingga RM350,000.

Lew berkata, Sun Life Malaysia akan memperkenalkan dua atau tiga produk baharu tahun depan termasuk pelan asas takaful, produk khusus untuk Bumiputera, produk insurans hayat dan kemalangan serta pelan persaraan.

"2016 adalah tahun mencabar kepada industri insurans dan tahun depan juga situasi sama dijangka terus kekal. Namun, kita mendapat manfaat diatas ketidaktentuan ekonomi.

"Rakyat Malaysia memilih untuk memiliki insurans ketika keadaan mencabar dan trend ini terus meningkat," katanya.

#### Info

#### Sun Wealth

- **Pelan insurans** berkenaan dibangunkan secara eksklusif untuk CIMB dan Sun Life Malaysia
- **Tawar jaminan manfaat hidup;** manfaat matang, perlindungan kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal
- **Tiga pelan pilihan** iaitu 3 Pay 15 Term, 5 Pay 20 Term dan 8 Pay 25 Term